

# e-BuletinUiTMCM

Citra

f t i y | UiTM Cawangan Melaka

#MEI  
eBuletinUiTMCM /22  
Vol.05 -Mei 2022



Cawangan Melaka

سَلَامَةُ هَـرَيَكُمُ اَيُّـدِيـدِ الْفِطْرِ  
1443H / 2022M

Selamat Hari Raya Aidilfitri  
Maaf Zahir & Batin

Ikhtis dari pada  
Rektor  
Pengurusan Eksekutif  
dan seluruh warga  
UiTM Cawangan Melaka



f t i y | www.malaka.uitm.edu.my  
UiTM Cawangan Melaka

## Sorotan menarik bulan Mei :



Sambutan Syukur  
Syawal 2022



Coffee Talk With Rozie

(Ruangan ini sengaja dibiarkan kosong)



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Cawangan Melaka

*Citra e-Buletin Rasmi Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka*  
Terbitan Kelima Mei 2022

Diterbitkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat  
Universiti Teknologi MARA  
Cawangan Melaka  
78000 Alor Gajah Melaka

No. Tel : 06-5582000  
No Faks : 06-5582001

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat, sama ada dengan cara elektronik, gambar dan rakaman serta sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka terlebih dahulu.

#### **PENAFIAN :**

Sebarang maklumat yang terkandung dalam majalah ini merupakan pengetahuan dan pendapat peribadi penulis artikel. Pembaca dinasihatkan untuk mendapatkan pandangan profesional sebelum mengikuti mana-mana maklumat dalam majalah ini. Pihak universiti, penerbit dan sidang redaksi tidak akan bertanggungjawab dan menanggung sebarang risiko atas kerugian secara langsung atau tidak langsung atas maklumat yang dipaparkan.

eISSN : 2785-8049  
Perpustakaan Negara Malaysia  
Majalah ini diterbitkan setiap bulan  
©2022 Hakcipta Terpelihara



| UiTM Cawangan Melaka

# Isi Kandungan

## e-BuletinUiTMCM



### Pendahuluan

Dari Meja Ketua Editor 6

### Program Universiti

Takbir Raya 1443H/2022M 8

Sesi Live Di Youtube Uitm Channel Bersama Ybhg. Prof. Datuk Ts. Dr. Hajah Roziah Mohd Janor, Naib Canselor Uitm Dalam Rancangan "Coffee Talk With Rozie" 9

Album Sambutan Syukur Syawal Hari Raya UiTM Cawangan Melaka 2022 10-13

Taklimat Permuziuman oleh Perbadanan Muzium Negeri Melaka 14

Program 'ASEAN CULTURAL DIGITAL AMBASSADOR TRANSFORMATION PROGRAMME 2022 : UNITY IN BYTES' 15

Majlis Pemeteraian Memorandum Persefahaman antara Universiti Teknologi MARA dan Ittihad Trading and Resources Sdn. Bhd 16

### Hari Raya Aidilfitri 2022

Ucapan Raya Aidilfitri dari seluruh warga UiTM Cawangan Melaka 18-27

### Pelantikan

Pelantikan Baharu Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka 29-30

### Ucapan Penghargaan

31-32

### Webinar

Siri Bengkel & Webinar Universiti 33-34

### Eksklusif

Karnival Permainan Video dan Lendu Esport Arena 2022 35

### UiTM Artikel

Teruskan istiqamah, lakukan amal soleh selepas Ramadan 37

Keihklasan ahli parlimen penentu RUU Anti Lompat Parti 38

39

Sidang

# Redaksi

e-BuletinUiTMCM

f t i y | UiTMCM



Cawangan Melaka



**Ketua Editor**  
Akmal bin Adanan



**Penolong Editor**  
Arif Imran bin  
Anuar Yatim



**Editor Buletin**  
Azniza binti Hasan



**Editor Buletin**  
Hasnor Zura binti  
Hashsim



**Editor Buletin**  
Khalidah Hadibah binti  
Md Khalid



**Editor Buletin**  
Suraini binti Mohammad



**Editor Grafik**  
Mohd Hanif bin  
Mohd Omar



**Editor Grafik**  
Hail Jefri bin Rusli



**Isi kandungan**  
Anwar Farhan bin  
Zolkeplay



**Isi kandungan**  
Mohamad Asrol bin  
Arshad



**Isi kandungan**  
Nur Hidayah binti  
Zaini



**Isi kandungan**  
Norazimah binti  
Mat



UiTMCM Telegram  
channel



Dapatkan maklumat-maklumat  
Universiti dari Telegram rasmi



Sila imbas kod di atas  
untuk ke "Channel  
STAF UiTMCM"



Sila imbas kod di atas  
untuk ke "Channel  
PELAJAR UiTMCM"

Dari Meja

## KETUA EDITOR



Dari Meja Ketua Editor,

Assalamualaikum WBT dan Salam sejahtera. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi dengan keizinan-Nya dapat kami menerbitkan e-Buletin **Citra** - Vol5 UiTM Cawangan Melaka (UiTMCM) bagi bulan Mei 2022 ini.

e-Buletin edisi kali ini melaporkan program-program universiti antaranya Majlis Sambutan Syukur Syawal Hari Raya UiTM Cawangan Melaka 2022 bertemakan Raya Mengejut yang disambut dengan sangat meriah setelah 2 tahun tidak dirai akibat Pandemik Covid 19.

Dalam kesempatan ini, kami ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Raya Aidilfitri, maaf zahir & batin.

Sekian, terima kasih.

**Akmal Adanan**

Ketua Unit Komunikasi Korporat



## Program-program Universiti

---

## Rakaman Takbir Raya JKEN bersama Hal Ehwal Islam & ACIS



## SESI LIVE DI YOUTUBE UiTM CHANNEL BERSAMA YBHG. PROF. DATUK TS. DR. HAJAH ROZIAH MOHD JANOR, NAIB CANSELOR UiTM DALAM RANCANGAN "COFFEE TALK WITH ROZIE"



## Album Sambutan Syukur Syawal Hari Raya UiTM Cawangan Melaka 2022





## Album Sambutan Syukur Syawal Hari Raya UiTM Cawangan Melaka 2022





## Taklimat Permuziuman oleh Perbadanan Muzium Negeri Melaka

MELAKA, 20 Mei 2022 - Seramai 110 orang pelajar Fakulti Pengurusan Hotel & Pelancongan telah menyertai Taklimat Permuziuman oleh Perbadanan Muzium Negeri Melaka (PERZIM) pagi ini bertempat di di Muzium Rakyat, Melaka. Para

pelajar ini akan terlibat dalam Program Sukarelawan Pelancongan PERZIM & UiTMCM (Fakulti Pengurusan Hotel & Pelancongan - FPHP) selama 14 minggu dari 21 Mei - 8 Julai 2022.



## Program 'ASEAN CULTURAL DIGITAL AMBASSADOR TRANSFORMATION PROGRAMME 2022 : UNITY IN BYTES'



MELAKA, 24 Mei 2022 - Telah berlangsung sesi perbincangan untuk program 'ASEAN CULTURAL DIGITAL AMBASSADOR TRANSFORMATION PROGRAMME 2022: UNITY IN BYTES' di UiTM Kampus Bandaraya. TNC ICAN bersama-sama wakil dari FSSR & FKPM telahpun hadir ke UiTM Cawangan Melaka untuk membincangkan projek Unity in Bytes yang bakal dijalankan pada 17 hingga 22 Jun 2022 di Selangor dan Melaka.

Unity in Bytes adalah projek kolaborasi antara MOTAC dan UiTM Cawangan Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka bagi merancakkan aktiviti pelancongan dengan mempromosikan ekonomi serantau melalui penggunaan kandungan digital kreatif. Program ini akan dihadiri oleh 20 orang 'cultural digital ambassador' dari 10 negara ASEAN.

## Majlis Pemeteraian Memorandum Persefahaman antara Universiti Teknologi MARA dan Ittihad Trading and Resources Sdn. Bhd



KOTA TINGGI, 26 Mei 2022 - Telah berlangsung Majlis Pemeteraian Memorandum Persefahaman antara Universiti Teknologi MARA dan Ittihad Trading and Resources Sdn. Bhd. bertempat di Felda Bukit Aping Barat, Kota Tinggi pagi ini. Rektor UiTM Cawangan Melaka, Profesor UiTM Madya Ts. Dr. Mohd Rasdi Zaini mewakili Naib Canselor dan Encik Muhammad Nazri Bin Kasmen

Pengarah Urusan Syarikat Ittihad Trading & Resources Sdn Bhd Merangkap Pengerusi KAF FELDA Bukit Aping Barat menandatangani dokumen memorandum persefahaman disaksikan oleh Yang Berhormat Tuan Muszaide bin Makmor, Ahli Dewan Undangan Negeri Sedili dan Encik Hasrin Ismail, Pengarah Pembangunan Pertanian dan Ternakan FELDA.



(Ruangan ini sengaja dibiarkan kosong)

## Ucapan Raya Aidilfitri dari seluruh warga UiTM Cawangan Melaka



Ikhlas daripada  
Rektor,  
Pengurusan Eksekutif &  
Warga UiTM Cawangan Melaka

Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin daripada Rektor UiTM Cawangan Melaka, Y.Bhg Prof. Madyd Ts. Dr Mohd Rasdi Zaini dan Pengurusan Tertinggi kepada semua warga UiTM Cawangan Melaka dan seluruh muslimin dan muslimat walau di mana jua berada.




















(Ruangan ini sengaja dibiarkan kosong)



## **Pelantikan Baharu** Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka

---



Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka

## Tahniah

**En. Ahmad Khairuman Md Hasim**  
atas pelantikan baharu sebagai  
**Penolong Rektor**  
UiTM Kampus Jasin  
berkuat kuasa  
1 Mei 2022

daripada  
Rektor  
Pengurusan Eksekutif  
dan Seluruh Warga UiTM Cawangan Melaka

#KeluargaUiTM

 [www.melaka.uitm.edu.my](http://www.melaka.uitm.edu.my)  
UiTM Cawangan Melaka



Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka

## Tahniah

**Dr. Noraznira Abd Razak**  
atas pelantikan baharu sebagai  
**Ketua**  
Unit Kualiti  
berkuat kuasa  
1 Mei 2022

daripada  
Rektor  
Pengurusan Eksekutif  
dan Seluruh Warga UiTM Cawangan Melaka

#KeluargaUiTM

 [www.melaka.uitm.edu.my](http://www.melaka.uitm.edu.my)  
UiTM Cawangan Melaka



## UCAPAN PENGHARGAAN WARGA UNIVERSITI



 Cawangan Melaka

Setinggi-tinggi  
**Penghargaan  
dan Terima Kasih**

**Dr. Siti Normah  
Awang Tuah**

atas khidmat bakti sebagai  
**Penolong Rektor  
UiTM Kampus Jasin**

tempoh perkhidmatan  
**1 Mei 2020 - 30 April 2022**

daripada  
**Rektor  
Pengurusan Eksekutif  
dan Seluruh Warga UiTM Cawangan Melaka**

#KeluargaUiTM

 [www.melaka.uitm.edu.my](http://www.melaka.uitm.edu.my)  
UiTM Cawangan Melaka



## Siri Bengkel /Webinar Universiti & Eksklusif

---

*Kursus Asas*

**PENGURUSAN REKOD & FAIL  
PEGAWAI REKOD JABATAN (PRJ) &  
PEMBANTU TADBIR REKOD JABATAN (PTRJ)**

UiTM CAWANGAN MELAKA

**18 - 19  
MEI 2022** | **09:00 PAGI  
01:00 T/HARI** | **CISCO  
WEBEX**

**ANJURAN:**  
Unit Arkib  
PTAR Cawangan Melaka

**PENCERAMAH:**  
Puan Azniza Bt.  
Mohamad Nor  
Pegawai Arkib,  
Jabatan Arkib Universiti (JAU)  
UiTM Shah Alam

UiTM di Jauku PTAR | #uitmdihatiku #kitauitm



## KARNIVAL PERMAINAN VIDEO DAN LENDU ESPORT ARENA 2022

**BERSAMA**

**NOORAZURA DURANI**  
PENASIHAT  
GAMEINC22 & LENDU E-SPORT ARENA22

**NURUL IRDEANA NOR AZMAN**  
KETUA PROJEK  
KARNIVAL PERMAINAN VIDEO GAMEINC22

**MUHAMAD KHALIS AJAMAIN**  
KETUA PROJEK  
LENDU ESPORT ARENA



**AHAD, 29 MEI 2022**  
**8.50 PAGI**



 **LIVE** [selamatpagimalaysia](#)   [#nadiseripagi](#) [#rtmmobile](#)

(Ruangan ini sengaja dibiarkan kosong)



## Artikel / Liputan Media

---

# Terus istiqamah, lakukan amal soleh selepas Ramadan

Aidilfitri peluang  
perbaiki diri,  
angkat semula  
status menjadi  
hamba

Oleh Nazri Abu bakar  
bnagaza@fb.com.my

Aidilfitri memiliki sejarah dan falsafah besar kepada umat Islam. Ia adalah hadiah kemenangan dikurniakan Allah SWT kepada Rasulullah SAW dan umat Islam pada 17 Ramadan tahun kesula hijrah.

Kemenangan ini merujuk kepada kejayaan 313 tentera Islam menewaskan 1,000 tentera Musyrikin Quraisy Makkah ketika sedang menjalani ibadah puasa Ramadan.

Oleh itu, pada tahun berkenaan Rasulullah SAW dan sahabat merayakan Aidilfitri bersempena dengan kejayaan mereka dalam Perang Badar dan juga kejayaan melawan hawa nafsu.

Ketua Pusat Pengajian, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Melaka, Dr Dziauddin Sharif berkata, peristiwa itu dan sejarah meraikan Aidilfitri bukan sekadar kemenangan menahan lapar dan dahaga selama sebulan semata-mata.

Sebaliknya, mereka ia perlu dijadikan muhasabah diri kepada umat Islam. Dengan menghayati sejarah dan falsafah Aidilfitri, ia tanda kejayaan mengatasi hawa nafsu, makan, minum, mengawal pancaindera dan pemikiran daripada perkara mungkar dan makisat.

Sabda Nabi SAW bersabda: "Setiap anak dilahirkan dalam keadaan fitrah. Kemudian orang tuanya menjadikannya anak itu Yahudi, Nasrani atau Majusi sebagaimana binatang ternak melahirkan binatang ternak dengan sempurna. Apakah kalian melihat ada cacat padanya?" (HR Bukhari).

**Perbaiki amal ibadah.**

Walaupun hadis terbit berkaitan dengan kelahiran bayi dengan sifat fitrah atau asal kejadian, namun sifat terbit terikat juga kepada



**Aidilfitri adalah kejayaan besar bagi umat Islam selepas berjihad melawan nafsu, memperbaiki diri dan mengangkat semula status mereka menjadi hamba pilihan Allah SWT berdasarkan sifat terpuji diamalkan sepanjang Ramadan**

Dr Dziauddin Sharif

manusia dewasa yang sentiasa berusaha memperbaiki amal ibadah sebaik mungkin dengan mengharapkan kepurnaan Allah SWT.

Daripada Abu Hurairah berkata, Rasulullah SAW bersabda: "Sesiapa berpuasa Ramadan atas dasar iman dan mengharap pahala daripada Allah, maka dosanya yang lalu akan diampunkan". (HR Bukhari).

Begitu juga dengan mereka yang meninggalkan kekufuran dan menerima Islam, golongan berkenaan juga sifatnya fitrah atau kembali kepada asal iaitu tidak berdosa kerana diampunkan dan 'dibersihkan' Allah SWT.

Firman-Nya bermaksud: "Katakanlah (wahai Muhammad) kepada orang kafir itu, jika mereka berhenti (dari kekufuran), nescaya akan diampunkan dosa mereka yang lalu, dan jika mereka kembali lagi (ingkar) maka Kami akan menyeksa mereka, kerana sesungguhnya mereka berlaku kebiasaan orang (yang kufur ingkar) dahulu kala." (Surah al-Anfal, ayat 38).

Berdasarkan ayat Quran dan hadis terba-

**Sikap Muslim teruji pada Syawal**  
apakah amalan kebaikan dan ibadah dilalui itu berjaya mengubah sikap ke arah lebih baik atau sekadar sebagai adat dan amalan kebiasaan dalam Ramadan semata-mata.

bit, ia menjetaskan manusia boleh kembali menjadi fitrah atas sebab amalan kebaikan mereka.

Justeru, Aidilfitri adalah kejayaan besar bagi umat Islam selepas berjihad melawan nafsu, memperbaiki diri dan mengangkat semula status mereka menjadi hamba pilihan Allah SWT berdasarkan sifat terpuji diamalkan sepanjang Ramadan.

"Namun apa yang lebih penting apakah sikap kita benar-benar mencerminkan kejayaan seperti dimaksudkan di sebuah falsafah Aidilfitri.

"Sehubungan itu, sikap Muslim teruji pada Syawal apakah amalan kebaikan dan ibadah dilalui itu berjaya mengubah sikap ke arah lebih baik atau sekadar melaksanakannya sebagai adat dan amalan kebiasaan dalam Ramadan semata-mata yang kemudiannya kembali kepada sikap lama seperti sebelum bulan terbit.

"Antara kesalahan kerap berlaku pada umat Islam adalah kembali kepada amalan sebulan Ramadan yang melalaikan seperti terlampau menonton televisyen dan melayari media sosial sehingga berat meluangkan masa menziarahi sanak saudara, fakir miskin dan jiran tetangga.

**Latihan salawat**

"Aidilfitri adalah kesempatan terbaik mempereratkan silaturahim. Di kesempatan yang sama juga, ia adalah ruang terbaik memperbanyakkan sedekah dan memberi bantuan kepada fakir miskin, anak yatim dan mereka ditimpa musibah.

"Janglah disebarkan kita sudah banyak berbelanja menyebabkan kita

rasa terbeban untuk bersedekah," katanya.

Leluh mualang lagi apabila umat Islam lalai untuk mendoskan sandaranya pada hari lebaran sedangkan amalan itu adalah amal soleh dilakukan sahabat Nabi SAW.

Imam al-Suyuti dalam kitab Wusul al-amaniyy bi usul al-tahani dan Zahir bin Tahir dalam kitab Tuhfat 'Id al-Fitr menyatakan sahabat Rasulullah SAW apabila bertemu pada hari raya mereka mengucapkan 'Ta'abballahu Minna Wa Minkum'.

Umat Islam juga patut mengambil kesempatan terbaik untuk menunaikan puasa enam Syawal yang memiliki fadilat dan faedah yang besar.

Rasulullah SAW bersabda: "Sesiapa berpuasa pada Ramadan lalu diiringi dengan puasa enam hari pada Syawal, bererti ia berpuasa setahun penuh" (HR Muslim, Abu Dawud, At-Tirmidzi, An-Nasa'i dan Ibnu Majah). Dziauddin berkata, walaupun bergembira meraikan Aidilfitri, batas pergaulan sesama bukan mahram masih perlu dijaga dan golongan wanita tetap wajib berpakaian menutup aurat dan tidak bertentangan dengan syariat Islam, tidak leka mendengar nyanyian dan hiburan.

Sebaliknya, hiburan yang melalakan itu lebih baik digantikan dengan alunan zikir, nasyid dan selawat ke atas Nabi.

"Paling utama, kita mengelak daripada berlebih-lebihan dalam berpakaian sehingga menampakkan kemewahan melampau dan menimbulkan perasaan takbur, riak serta sombong kerana sifat terbit memantikan roh kemenangan Aidilfitri,"



**Dr. Dziauddin Sharif**


Pensyarah Kanan

Akademi Pengajian Islam Kontemporari

UiTM Cawangan Melaka

Artikel Akhbar - Berita Harian  
08 Mei 2022

## Keikhlasan ahli Parlimen penentu RUU Anti Lompat Parti



Pensyarah Kanan  
Fakulti Komunikasi  
dan Pengajian  
Media, Universiti  
Teknologi MARA  
(UiTM) Cawangan  
Melaka

Oleh Shafezah Abdul Wahab  
bhreanana@bh.com.my

**Pengubalan** Rang Undang-Undang (RUU) Anti Lompat Parti adalah antara sebahagian kandungan memorandum persefahaman (MoU) antara kerajaan dan pembangkang bagi memenuhi obligasi 'gencatan politik' demi kestabilan negara.

Namun pengubalan RUU ini berdepan liku yang sulit dirungkai kerana menyentuh beberapa perkara asas dalam Perlembagaan seperti soal kebebasan bersuara, bersatu atau berpolitik.

Ini juga menyentuh soal kedudukan wakil rakyat atau ahli Parlimen dalam parti diwakilinya, dalam Parlimen dan juga dalam kedudukan kerajaan jika ada anggota Kabinet yang melompat parti.

Di sini jelas yang RUU ini amat perlu untuk menjadi pelindung kepada sistem demokrasi walaupun menyentuh soal kebebasan dan hak asasi terdapat dalam Perlembagaan tanpa menggugat kerajaan.

RUU ini membolehkan reformasi Parlimen, parti politik dan pemimpin berlaku secara adil. Ia penting supaya nilai kualiti baharu dapat diraikan dalam mempertahankan demokrasi Par-

limen berperlembagaan.

Soalnya bagaimana perkara penting dalam Perlembagaan dapat dipertahankan dan dilindungi apabila RUU hendak dilaksanakan.

Cadangan pengubalan RUU Akta Lompat Parti ini bertitik tolak daripada tindakan ahli politik melompat parti selepas Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) sehingga mewujudkan kepincangan merugikan rakyat dan memalukan negara.

Tindakan melompat parti ini memberi kesan sama ada memperkukuhkan lagi kedudukan kerajaan sedia ada atau melemahkan pihak tertentu.

Apa yang lebih malang apabila tindakan melompat parti begitu mudah dilakukan menyebabkan hilangnya kesetiaan kepada kerajaan dan menyebabkan tumbangannya kerajaan dipilih rakyat.

Susulan itu, banyak pihak melihat pengubalan RUU Anti Lompat Parti penting supaya masalah sama tidak berulang lagi. RUU amat diperlukan sebagai pelindung kepada sistem demokrasi dan demi kestabilan negara.

Namun yang menjadi persoalan sejauh mana keikhlasan pemimpin politik mahu menerima RUU ini yang sudah hampir berakhir penggal Parlimen.

Dalam konteks politik semasa undang-undang antilompat parti atau untuk lebih tegas lagi undang-undang antipembelotan (defection law) adalah satu keperluan mendesak untuk mengawal

tingkah laku dan moral ahli politik dipilih atau bakal dipilih sebagai wakil rakyat.

Undang-undang ini perlu kekal sehingga mereka kembali tertib dan menghormati kepercayaan diberi pengundi.

Ahli Parlimen dipilih dan mereka bertanggungjawab kepada Parlimen, parti politik diwakili ketika dipilih dan juga pengundi yang memilih.

Walaupun, tidak terdapat perjanjian bertulis, namun dari sudut etika dan moral mereka perlu kekal dalam parti ditandingi sehingga tamat penggal perkhidmatan atau sebaiknya mengosongkan kerusi jika berhasrat bertukar parti.

Justeru, pengubalan RUU Anti Lompat Parti perlu dilaksanakan dengan teliti supaya ia dapat diguna pakai bagi tempoh lama dan tidak mudah dipinda.

Ini kerana amalan politik di negara ini adalah berdasarkan sistem berparti dan bukannya sistem berpresiden iaitu parti yang mempunyai majoriti akan menguasai Parlimen.

Apabila seseorang bertanding atas tiket parti masing-masing, adalah wajar bagi wakil rakyat itu untuk kekal dalam parti diwakili bagi membolehkan hidupnya kerajaan demokrasi.

Justeru, kedudukan dan kesetiaan ahli Parlimen dalam parti tidak akan tergugat jika mereka memegang amanah dan mandat yang diberikan.

Artikel Akhbar - Berita Harian  
13 Mei 2022

**Shafezah Abdul Wahab**  
Pensyarah Kanan  
Fakulti Komunikasi & Pengajian Media  
UiTM Cawangan Melaka

Diterbitkan oleh:



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Cawangan Melaka

eISSN 2785-8049



9 7 7 2 7 8 5 8 0 4 0 0 5